


Peruntukan RM70 juta liputi pemantauan capaian program vaksin negara - Khairy

Astro Awani

Mei 27, 2021 19:20 MYT



Ujar Khairy, peruntukan RM70 juta itu adalah satu siling untuk membangunkan serta isu integrasi berkenaan pangkalan data MySejahtera. - BERNAMA

KUALA LUMPUR: Menteri Penyelaras Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan (PICK), Khairy Jamaluddin berkata, peruntukan RM70 juta untuk membangunkan laman web daftar tempahan vaksin AstraZeneca turut meliputi pemantauan capaian program vaksin negara.

Ujarnya, peruntukan itu adalah satu siling untuk membangunkan serta isu integrasi berkenaan pangkalan data MySejahtera dan



Berita Berkaitan

Lagi



MALAYSIA

LRT laluan Kelana Jaya masih ikut pelan alternatif - Wee Ka Siong



MALAYSIA

COVID-19: Pemberian dos vaksin COVID-19 cecah 100,000 sehari - JKJAV



MALAYSIA

Mangsa banjir di Sabah dibenarkan pulang



MALAYSIA

26:55

AWANI Pagi: Kelayakan dan Kemampuan: Ukur Baju di Badan Sendiri



COVID-19 | Golongan

BACA: Khairy minta maaf berhubung masalah teknikal sistem daftar AstraZeneca

"Ia juga melibatkan dan meliputi pengurusan PICK, pembangunan dashboard pelaporan harian PICK, integrasi sistem bagi menghubungkan pangkalan data MySejahtera dan sistem sedia ada KKM, pembangunan laman portal pendaftaran, sistem pengesanan vaksinasi dan Google Map dalam MySejahtera.

"Pembangunan sistem *genomic surveillance*, pengurusan PPV, perolehan pengurusan sistem q-mobile untuk PPV, integrasi sistem passport digital dalam MySejahtera, sistem pengurusan logistik dan rangkaian penghantaran vaksin, *call centre*, sukarelawan dan sms temujanji vaksinasi," katanya semasa sidang media pada Khamis.

Sebelum ini, media sosial dipenuhi pertanyaan mengenai peruntukan RM70 juta untuk Integrasi Data dan Sistem Janji Temu Vaksin berkenaan.

Dalam pada itu kata Khairy yang juga Menteri Penyelaras Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan, Malaysia akan menerima lebih 25 juta dos Pfizer-BioNtech pada suku ketiga 2021 ini.

Jelasnya, kerajaan berjaya mempercepatkan penghantaran vaksin dengan menandatangani tambahan 12.8 juta dos Pfizer menjadikan jumlah vaksin yang telah ditempah meningkat ke 44.8 juta sekali gus cukup untuk 70 peratus populasi.

"Saya umumkan Malaysia mendapat 25,862,670 dos penghantaran suku tahun ketiga daripada Pfizer. Saya juga ingin memaklumkan pada Jun sejumlah 2.230 juta dos Pfizer akan diterima negara kita yang mana 444,600 akan dihantar setiap minggu dalam tempoh

Berita Terkini[Lagi](#)

MALAYSIA

LRT laluan Kelana Jaya masih ikut pelan alternatif - Wee Ka Siong

MALAYSIA

COVID-19: Pemberian dos vaksin COVID-19 cecah 100,000 sehari - JKJAV

DUNIA

COVID-19: 26 pesakit terpaksa bersesak dalam dua ambulans

BISNES

Ringgit dibuka rendah berbanding dolar AS

MALAYSIA

Mangsa banjir di Sabah dibenarkan pulang**Dapatkan berita terkini melalui emel anda**

Emel Anda

DAFTAR





*[TERKINI] Sidang media Menteri Penyelaras Program Imunisasi
COVID-19 Kebangsaan*

Dalam pada itu, Khairy menjelaskan, jumlah vaksin yang akan diterima negara bakal menjadikan sasaran kadar suntikan sebanyak 150,000 sehari pada Jun ini.

Katanya, ia akan melibatkan pembukaan lebih banyak pusat pemberian vaksin di seluruh negara.

"Saya harap rakyat yang masih belum menerima janji temu akan dapat diberikan janji temu dalam bulan akan datang dan ini menjadi jaminan kepada rakyat vaksin adalah cukup, lebih cepat dan pelaksanaan PICK lebih pantas," jelasnya.

Mengulas isu berkaitan tegasnya, Jawatankuasa Pemilihan Calon Vaksin COVID-19 (JKPCV) mengesyorkan selang masa untuk dos Pfizer boleh dijarakkan dalam masa tiga minggu kepada enam minggu.

Bagaimanapun katanya, pelaksanaan penjarakan itu akan diputuskan selepas melihat *Variant of Concern* yang ada buat masa ini.

"Walaupun keputusan ini atau strategi ini adalah baik dari segi liputan orang ramai yang dapat diberi perlindungan tetapi dari segi kualiti perlindungan terhadap varian India adalah lebih rendah, kita



"Di kawasan sudah ada *variant of concern*, kita akan buat keputusan untuk kekal dengan jarak masa tiga minggu untuk memberi perlindungan yang terbaik kepada penerima vaksin," tambahnya.



Dapatkan berita kami melalui emel anda


Hantar

Cara lain mengikuti berita kami




#Google #WHO #KKM #India #media sosial #Pfizer
 #PPV #Khairy Jamaluddin #PICK #vaksin #AstraZeneca
 #Variant of Concern


Juga Menarik Dari Laman Web



Invest now \$250 in Companies like Netfli...
 Smart Invest




\$250 Investment in Companie...
 nextlanders.c...



Dwayne 'The Rock' Johnson Buys...
 Mansion Global



The push-up bra that has taken the world by a...
 AirBra Pro™



Mendapatka n Pinjaman Mungkin Lebih...
 Pinjaman | C...

Recommended by

